

16 APR 2001

UIA-Rektor/I

UIA SEBAGAI MODEL BAGI UNIVERSITI LAIN, KATA BEKAS REKTOR

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah menjadi model bagi kebanyakan universiti lain di dunia, kata bekas Rektornya Tan Sri Prof Muhammad Abdul Rauf hari ini.

Beliau berkata universiti itu bukan sahaja dilihat sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan tetapi juga bagi aspek kehidupan manusia yang lain seperti moral berteraskan Islam.

Menurut Prof Muhammad, UIA semakin dilihat sebagai model di Afrika yang mempunyai banyak negara Islam.

"UIA ialah sebuah universiti moden dan muda tetapi terikat dengan nilai-nilai yang tinggi berteraskan Islam," kata beliau dalam temubual dengan Bernama di sini hari ini.

Esok, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kampus utama UIA di Gombak. Sejak dibuka pada 1983, universiti itu ditempatkan di Petaling Jaya yang sekarang berfungsi sebagai pusat matrikulasi.

Menurut Prof Muhammad, UIA sekarang menawarkan pendidikan dalam hampir semua bidang berbanding.

"Hari ini, UIA ialah sebuah universiti yang berjaya dengan keupayaan sebagai institusi pengajian tinggi. Ia mendapat pengiktirafan dunia dan amat dihormati," kata beliau.

Prof Muhammad berkata beribu-ribu graduan UIA, kebanyakan dari negara membangun, memberi khidmat dan sumbangan kepada kesejahteraan dan membangunkan negara.

"UIA memahami misinya dan cuba memenuhinya,,,ia akan terus berbuat demikian, Saya percaya," kata beliau.

Prof Muhammad berkata UIA, dalam usaha mengekalkan kualiti pendidikan dan status antarabangsanya perlu meneruskan pembangunan ilmu kemanusiaan di kalangan kakitangannya terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

"Ia perlu menghasilkan lebih banyak buku, artikel dan jurnal bertaraf dunia," kata beliau.

Mengenai cabaran dalam dunia globalisasi, Prof Muhammad berkata universiti itu perlu meneruskan sumbangan dalam banyak bidang pendidikan.

Beliau memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kerana berpandangan jauh apabila mengilhamkan penubuhan universiti itu sambil berkata banyak negara mendapat manfaat daripada wawasannya.

"Dr Mahathir mempunyai wawasan dan hasrat untuk memberi sumbangan kepada negara dan dunia Islam," kata Prof Muhammad yang menjadi Rektor UIA dari 1983 hingga 1988.

Prof Muhammad ialah seorang daripada mereka yang memainkan peranan penting bagi penubuhan kulliyah ekonomi dan undang-undang.

Prof Muhammad yang telah menghasilkan kira-kira 80 buku kini menghabiskan masanya dengan menulis buku. Buku terbaru yang dihasilkannya ialah "The Muslim Mind - History of the Muslim Intellectual Life (1300-1768 AD).

-- BERNAMA

RV RV FAZ